

**UCAPAN YB TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT, TIMBALAN KETUA MENTERI/MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR SEMPERNA DENGAN PELANCARAN PAMERAN GAMBAR “TSUNAMI-THROUGH OUR LENS” BERTEMPAT DI ATRIUM, KOMPLEK CENTRE POINT KOTA KINABALU PADA 8 JULAI 2005, JAM 3 PETANG**

**Salutations:-**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya merakamkan rasa sukacita dan berterima kasih kerana kita dapat bersama-sama dalam keadaan selamat, aman dan damai sempena dengan majlis pelancaran pameran bergambar “Tsunami – Through Our Lens” anjuran bersama Persatuan Hokkien Sabah dengan kerjasama Malaysia Chinese Photojournalists Association (MCPA).

*Tsunami – Through our lens* mempamerkan pengalaman bergambar mengenai kesengsaraan dan harapan yang disaksikan oleh 30 orang jurugambar Malaysia berbangsa China, dari sembilan media massa Malaysia yang ditugaskan untuk membuat liputan bencana tsunami ini. Pameran ini merupakan pameran pertama yang mengabungkan gambar-gambar mengenai tsunami di Asia yang diambil oleh para jurugambar daripada pelbagai agensi penerbitan Malaysia serta agensi media asing yang berpejabat di Malaysia.

Saya telah difahamkan bahawa lebih daripada 600 gambar telah dikemukakan oleh jurugambar daripada Nanyang Siang Pau, Sin Chew Daily, the China Press, Guang Ming Daily, Kwong Wah Yit Poh, Oriental Daily, The Star, the Associated Press (AP), dan Agence France Presse (AFP) untuk pameran ini. Saya juga telah difahamkan bahawa satu Panel Penyunting Gambar telah ditubuhkan untuk memilih 100 daripada gambar-gambar tersebut untuk dipamerkan berasaskan kepada lima tema iaitu *death*(kematian), *destruction* (kemusnahan), *survival*, *hope*(harapan) dan *aid*(bantuan). Kebanyakan daripada gambar-gambar yang dipamerkan ini belum pernah disiarkan lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Dunia telah melalui satu hari yang amat gelap dalam sejarah manusia apabila bencana tsunami melanda rantau Asia pada 26 Disember 2004. Lebih daripada 200,000 nyawa terkorban dan beratus ribu lagi kehilangan tempat tinggal dan mata pencarian pada hari tersebut. Kemusnahan akibat bencana tsunami dialami dari Pulau Pinang ke Phuket (Thailand), Sri Lanka dan yang paling teruk sekali Banda Aceh di Sumatra, Indonesia. Gambar-gambar kemusnahan yang disiarkan melalui television dan akhbar-akhbar amat memilukan kita apabila melihat kesengsaraan yang tidak terkata yang dihadapi oleh penduduk kawasan yang dilanda bencana tsunami tersebut. Kesan bencana ini juga bukan sahaja dirasai oleh penduduk negara Asia tetapi oleh negara-negara lain kerana ramai warganegara asing juga turut terkorban khususnya pelancong-pelancong asing yang bercuti di Phuket, Thailand.

Sungguhpun peristiwa ini berlaku lebih daripada enam (6) bulan yang lalu, namun kehidupan mereka yang terselamat daripada bencana tsunami masih belum dapat dipulihkan semula. Sukarelawan serta organisasi bukan kerajaan bersama dengan kerajaan negara berkenaan mengembeling tenaga dan usaha untuk membina semula kehidupan mereka yang terselamat ini dan membangun semula kawasan yang telah musnah. Kita di Sabah amat bersyukur kerana bencana ini tidak melanda negeri kita. Namun demikian sebagai rakyat Malaysia, kita juga turut merasainya sungguhpun tidak seteruk negara lain kerana bencana ini telah melanda Pulau Pinang, yang mana ada nyawa yang terkorban dan ada diantara mangsa tsunami yang terkorban ini tidak dapat ditemui.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sebagai langkah untuk memastikan bencana seumpama ini tidak akan membawa kepada kadar kematian yang tinggi, negara-negara rantau Asia telah mengambil langkah untuk meletakkan alat sistem pengesanan di perairannya. Malaysia juga telah mengambil langkah untuk meletakkan sistem pengesanan awal tsunami agar pihak berkuasa mempunyai waktu untuk memberi amaran kepada penduduk negara ini sekiranya bencana tsunami akan melanda sesuatu kawasan. Alat pengesan ini akan diletakkan di kawasan-kawasan perairan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak agar penduduk kawasan ini dapat diberi amaran sekiranya gempa bumi yang berlaku akan mengakibatkan tsunami. Sungguhpun kita mengambil langkah ini, kita juga sentiasa berdoa agar bencana tsunami tidak akan berlaku lagi di rantau ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Kerajaan negeri merakamkan syabas dan tahniah kepada Persatuan Hokkien Sabah dan Malaysia Chinese Photojournalists Association (MCPA) atas usaha mengadakan pameran ini di Sabah. Saya yakin pameran ini bukan sahaja membantu kita memperingati mangsa-mangsa tsunami tetapi ia juga membantu menyedarkan dan mendidik penduduk negeri ini akan kesan tsunami kepada masyarakat. Gambar merupakan satu kaedah yang amat berkesan dalam penyebaran maklumat seperti ungkapan gambar menyatakan seribu kata. Dengan itu, saya berharap pameran tentang kesan tsunami yang berlaku pada 26 Disember lalu akan menyedarkan kita betapa bertuahnyanya kita kerana hidup dalam keadaan selamat, aman dan makmur. Saya yakin kesemua gambar-gambar yang dipamerkan ini juga akan meneguhkan lagi komitmen kita untuk menghulurkan bantuan samada dalam bentuk kewangan, masa atau usaha dalam membantu mangsa-mangsa bencana tsunami ini serta berusaha untuk membantu membina semula hidup mereka.

Dalam pada itu, saya menyeru kepada para pemberita dan jurugambar di Sabah agar terus berusaha menggunakan gambar dalam menyebarkan maklumat antaranya berhubung dengan polisi-polisi kerajaan. Selain daripada itu, keadaan mereka yang miskin serta kurang bernasib baik harus juga diberi perhatian. Kita bertuah kerana kerajaan negeri mempunyai hubungan baik dan mendapat kerjasama erat daripada media massa di negeri ini.

Saya juga menyeru kepada semua media massa agar meneruskan usaha murni mereka dalam membuat liputan mengenai dengan pencemaran alam sekitar negeri untuk mendorong kita memulihara alam sekitar demi generasi masa kini dan akan datang.

Dengan kata-kata demikian, saya dengan sukacitanya merasmikan pameran bergambar “Tsunami – Through Our Lens”.

Sekian, terima kasih.